

**Anwar diminta beri penjelasan**  
**Utusan Online**  
**17 April, 2012**

KUALA LUMPUR 16 April - Datuk Seri Anwar Ibrahim digesa membuat penjelasan sama ada benar atau tidak Ketua Pembangkang itu bertindak meninggalkan majlis santapan diraja yang diadakan di Istana Negara untuk menghadiri satu ceramah politik di Wangsa Maju, Rabu lalu.

Jika benar, persoalannya apakah ceramah tersebut lebih penting daripada majlis yang diadakan lima tahun sekali itu bagi meraikan pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang baharu?

Persoalan itu dilontarkan bekas Naib Ketua Pemuda Keadilan, Mohd. Zahid Md. Arip yang mendakwa menerima maklumat Anwar bersama isterinya, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail bertindak sedemikian pada majlis santapan yang diadakan di sebelah malam pada hari pertabalan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV.

"Saya mendapat maklumat Anwar serta isterinya keluar awal dan meninggalkan majlis yang sedang berlangsung. Saya difahamkan mereka berbuat demikian kerana Anwar terlibat dalam satu ceramah politik di Wangsa Maju.

"Ingatlah pepatah Melayu 'kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek'," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mohd. Zahid mendakwa, maklumat yang diperoleh mengatakan Anwar dan Wan Azizah bangun secara serentak dan kemudiannya meninggalkan majlis.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)